



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

26 JANUARI 2021 (SELASA)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

26 JANUARI 2021 (SELASA)

Tutup stesen minyak awal untuk seludup petrol

TANAH MERAH - Penutupan operasi sebuah stesen minyak di Kampung Kerilla Estet di sini yang diawalkan 30 minit membongkar kepada kegiatan pemiliknya yang dipercayai menjadi dalam kegiatan penyeludupan petrol.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Tanah Merah, Ahmad Azizi Abdul Kadir berkata, premis terbabit sepatutnya beroperasi sehingga pukul 8 malam, namun ditutup pukul 7.30 malam.

Menurutnya, ketika serbuan kelmarin, enam anggotanya membuat pemerhatian di premis terbabit terlebih dahulu sebelum mendapati sebuah kenderaan pacuan empat roda jenis Mitsubishi Pajero dan sebuah van memasuki stesen minyak itu.

"Pihak kami kemudian menyerbu stesen minyak itu dan berjaya menahan seorang lelaki berusia 29 tahun yang sedang mengisi petrol ke dalam lapan buah tong plastik.

"Bagaimanapun, seorang lagi suspek mlarikan diri selepas menyedari kehadiran pihak berkuasa," katanya pada sidang akbar di Pejabat KPDNHEP Tanah Merah di sini semalam.

Menurut Ahmad Azizi, hasil



AHMAD AZIZI (kanan) melihat sebahagian tong plastik berisi petrol yang dirampas di sebuah stesen minyak di Tanah Merah kelmarin.

pemeriksaan terhadap dua buah kenderaan itu menemui 80 tong plastik dan suspek sudah mengisi minyak petrol di dalam lapan buah tong yang bersamaan dengan 195 liter minyak.

"Pemilik stesen minyak itu dipercayai baru sahaja menjalankan kegiatan penyeludupan petrol. Bahan api ini dipercayai akan diseludup ke negara jiran melalui sempadan daerah ini," ujarnya.

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : SELASA
TARIKH : 26/1/2021
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

- Ayam RM5.90
- Daging Lembu Tempatan RM32
- Daging Lembu Import RM23

- Telur Gred A RM9.79
- Ikan Kembung RM8.90
- Miryak Masak RM5.32

- Gula Pasir RM2.60
- Bawang Besar Holland RM2.69
- Bawang Putih RM4.90

- Cili Merah RM12.80
- Kubis Bulat Tempatan RM3.80
- Tepung Gandum RM1.35

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP